

17 NOV 1996

Anwar-Pas

UMNO AKAN BINCANG CADANGAN PENUBUHAN KERAJAAN CAMPURAN DI KELANTAN

KOTA KINABALU, 17 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Umno akan membincangkan cadangan penubuhan sebuah kerajaan campuran di Kelantan sebelum membuat apa-apa reaksi mengenainya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Sabah di sini, beliau berkata perkara itu akan dibincangkan secepat mungkin.

Mengenai bila perbincangan mengenai perkara itu akan dibuat, Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata: "Tunggulah, Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan balik malam ini.)"

Anwar diminta mengulas kesediaan Pas untuk menimbang cadangan penubuhan sebuah kerajaan campuran dengan Umno bagi mentadbir negeri Kelantan.

Kenyataan Pas itu dibuat sehari selepas Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa menyatakan kesediaan Umno Kelantan untuk menubuhkan kerajaan campuran dengan Pas di negeri itu sekiranya langkah itu dapat memberi faedah kepada rakyat Kelantan.

Ketika ditanya sama ada beliau terkejut dengan kesediaan Pas itu, Anwar berkata: "Saya tidak terkejut."

Beliau juga menafikan dakwaan sesetengah pihak di negeri ini kononnya BN Sabah akan mengadakan pilihan raya negeri awal tahun depan.

"Ini adalah kali pertama saya mendengarnya," katanya.

Parti Bersatu Sabah (PBS) sebelum ini telah mengingatkan penyokongnya agar bersedia bagi menghadapi kemungkinan pilihan raya negeri diadakan awal tahun depan.

"Awal tahun depan, tak bolehlah...bulan puasa," kata Anwar.

Penggal pemerintahan kerajaan BN Sabah sekarang hanya akan berakhir pada tahun 1999. -- BERNAMA

JS AKD